



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

PELANCARAN e-BAZAR RAMADAN

DISEMPURNAKAN OLEH

**YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**14 APRIL 2020 (SELASA)
3.00 PETANG**

**MEDIA LOUNGE
MENARA MBSP**

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP yang berada dilokasi masing-masing

Yang Berusaha Puan IrHajah Rosnani Binti Haji Mahmud
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Pasukan Pemikir (Think Tank) e-Bazar Ramadan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Pasukan media COVID19
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Wira Barisan Hadapan di lapangan

Rakan-Rakan Media di tempat masing-masing

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul dalam Majlis Pelancaran e-Bazar Ramadan Majlis Bandaraya Seberang Perai di Media Lounge, Menara MBSP.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow yang sudi hadir serta melancarkan Portal e-Bazar Ramadhan pada petang ini.

Yang Amat Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Memandangkan PKP telah dilanjutkan lagi ke Fasa 3 sehingga 28 April 2020 dan bulan Ramadhan akan kunjung tiba tidak lama lagi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) sedang giat menggalakkan pendigitalan penjaja dan peniaga makanan di Pulau Pinang untuk memberi kemudahan kepada penduduk Pulau Pinang.

MBSP telah berusaha sebaik mungkin bagi memudahkan penjaja dan pembeli mendapatkan juadah makanan berbuka puasa sepanjang bulan Ramadhan dan mendapat rezeki untuk menyambut Aidil Fitri. Alhamdulillah sumbangan idea team pemikir Datuk Bandar dan persetujuan serta input dari Ahli- Ahli Majlis tercetuslah e-Bazar Ramadhan, satu e-catalog yang mempertemukan peniaga-peniaga bulan Ramadhan dengan pembeli. Sudah menjadi amalan MBSP untuk memastikan **No one should be left behind** Satu sesi live video on FB telah diadakan untuk mendapat

pandangan rakyat mengenai cadangan e-Bazar Ramadhan, hasilnya netizen sebulat suara menyokong dan memberi pandangan masing-masing untuk penambahbaikan. Justeru e- Bazar Ramadan adalah milik rakyat, marilah kita sama-sama memastikan kejayaannya dan persekitaran PKP yang mesti dipatuhi.

Portal e-Bazar Ramadan akan mengumpulkan laman web, Portal, Facebook dan WhatsApp di seluruh Seberang Perai yang menyediakan produk makanan atau bukan makanan seperti pakaian, kasut, barangan runcit serta kuih muih keperluan hari raya. Pemunya laman web, portal, FB, whatsapp hendaklah mendaftar dengan klik pada pendaftaran(dapat nama dari fikri) dalam ruang e-Bazar Ramadan MBSP. Pemunya Portal, laman web, FB, whatsapp yang berjaya akan dipaparkan ke dalam e-Katalog Bazar Ramadan MBSP yang menjadi pusat interaksi dengan pembeli.

Pembeli hanya perlu memilih Portal, laman web, Facebook, WhatsApp kegemaran mereka untuk memesan juadah atau barangan yang diinginkan dan peniaga akan mengaturkan khidmat penghantaran pesanan. Jika peniaga tidak menyediakan khidmat penghantaran, pembeli boleh memilih khidmat penghantaran yang juga disediakan dalam e-catalog ini. Justeru, diharapkan Portal e-Bazar Ramadan akan memberi manfaat kepada

peniaga-peniaga lain yang berniaga di premis atau kompleks makanan sedia ada supaya menepati konsep '*no one should be left behind*' yang menjadi prinsip panduan MBSP dalam semua urusan.

Yang Amat Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP juga menyediakan peluang kepada penganjur pusat pengumpulan untuk menganjur pusat pengumpulan sendiri berkonsepkan preorder, dropship dan delivery yang mematuhi PKP, iaitu penjual hanya dibenarkan menghantar preorder juadah atau barangan dan penganjur mengatur penghantaran. Syarat-syarat untuk pendaftaran penganjuran pusat pengumpulan adalah seperti berikut :-

1. Peniaga (Pengendali Makanan) hendaklah mempunyai suntikan tifoid yang masih sah.
2. Peniaga hendaklah mempunyai laman web, facebook, nombor whatsapps berkenaan produk jualan.
3. Harga jualan hendaklah dipamerkan dengan jelas dalam laman web/facebook atau whatsapps.
4. Pendaftaran dibuka untuk peniaga makanan dan bukan makanan yang berkaitan dengan keperluan bulan Ramadhan serta Hari Raya Puasa.

5. **Waktu operasi hanya dari jam 12.00 tengah hari hingga 7.00 petang.**
6. *Collection Centre* mestilah dijalankan di dalam kawasan berpagar dan dalam bangunan.
7. *Collection centre* di tepi jalan tidak dibenarkan.
8. Jumlah kakitangan yang bertugas di *collection centre* tidak melebihi lima (5) orang dalam satu-satu masa.
9. Penganjur hendaklah melaksanakan saringan suhu badan setiap peniaga, pekerja dan penghantar (*rider*) di laluan masuk *collection centre*.
10. *Collection centre* hendaklah mempunyai tempat letak kenderaan.
11. Penganjur hendaklah menetapkan satu pintu masuk dan satu pintu keluar di setiap *collection centre*.
12. Penganjur hendaklah melaksanakan penjarakan social (*Social Distancing*) 1 meter di dalam kawasan *collection centre*.
13. Penganjur hendaklah menghadkan bilangan peniaga, pekerja dan penghantar (*rider*) dalam satu kawasan jualan pada satu-satu masa.
14. Kawalan keselamatan hendaklah dilaksanakan oleh penganjur.

Selain itu, *Collection Point* hendaklah mengikut konsep berikut:

1. **Pre Order**- Melalui atas talian (*Online*) yang disediakan oleh penganjur *Collection Centre*.

2. **Dropship**- Peniaga hanya mengambil pesanan pelanggan secara atas talian (*online*) dan menghantar pesanan ke *collection point*. Peniaga tidak dibenarkan berniaga di dalam kawasan *Collection Centre*.

3. **Penghantaran**- Penghantaran yang disediakan oleh penganjur atau sedia ada seperti *Food Panda*, *Grab Food* dan lain-lain lagi.

Walaupun bagaimanapun, pihak penganjur perlu mendapat permit penganjuran daripada MBSP terlebih dahulu supaya MBSP boleh meletakkan syarat yang perlu di patuhi dan setiap permit penganjuran dikenakan bayaran sebanyak RM240.00. Kaedah pendaftaran akan dimudah dan disiapkan oleh Jabatan Pelesenan.

**Yang Amat Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

MBSP juga mengadakan satu projek rakyat yang dikenali eBazar melalui konsep "Cloud Kitchen", kerjasama strategik MBSP dengan GrabFood. Lokasi adalah di kompleks makanan Taman Pauh Indah SPT, 20 peniaga akan dipilih. Cloud Kitchen hampir sama dengan pusat pengumpulan, perbedaannya pembeli boleh order juadah berbuka puasa

yang disenaraikan dan dimasukkan dalam aplikasi Grab dan GrabFood akan membuat penghantaran. Sistem on-demand order, pemasaran dan penghantaran dibuat oleh GrabFood. Di bawah projek bersama ini peniaga tidak perlu membayar apa-apa kecuali komisen jika ada jualan. GrabFood telah bersetuju memberi special discount komisen, iaitu 20% daripada jualan (normal rate ialah up to 35%) kerana ini adalah projek rakyat MBSP.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat. Teruskan melayari laman web MBSP dan mengikuti perkembangan Live FB saya untuk sebarang informasi dan pertanyaan. Saya berharap dengan cara ini segala permasalahan dapat diselesaikan.

Saya mendoakan agar kita semua terus cekal, tabah dan marilah sama-sama kita mematuhi Arahan Perintah Kawalan Pergerakan ini **#stayathome #workfromhome** agar penularan wabak ini dapat dihentikan. Marilah sama-sama kita berdoa agar Pulau Pinang dan Negara kita Malaysia akan kembali sihat seperti sediakala dan kita dapat menjalankan rutin harian seperti biasa. **Sekian,**

WabillahiTaufik

Wal

Hidayah,

WassalamualaikumWarahmatullahiWabarakatuh.

Terimakasih.